

07 SEP 2003

Mahathir-Ilmu

DR MAHATHIR MAHU PELAJAR KUASAI KECEMERLANGAN ILMU

JITRA, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat negara ini terutama golongan pelajar sentiasa berusaha menguasai ilmu supaya mereka tidak ditindas, dihina dan diketepikan dalam arus globalisasi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan memberi tumpuan terhadap pembangunan ilmu malah membelanjakan lebih RM10 bilion daripada perbelanjaan negara setiap tahun untuk bidang itu.

Berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Sekolah Kebangsaan Tunjang dekat sini hari ini, beliau berkata infrastruktur ilmu di negara ini adalah terbaik malah ada pemimpin asing yang memujinya.

Beliau berharap para pelajar memanfaatkan infrastruktur ilmu berkenaan untuk meningkatkan penguasaan ilmu.

Beliau sedih kerana ada segelintir pelajar, kebanyakannya orang Melayu, membazirkan kemudahan kerajaan dengan lebih suka membuang masa di pusat-pusat beli-belah.

Dr Mahathir juga mahu rakyat negara ini menguasai teknologi maklumat kerana melaluinya mereka akan menjadi golongan yang berpengetahuan.

Banyak reka cipta dalam bidang teknologi sedang berlaku dan semuanya kerana orang-orang yang terbabit dengannya mempunyai kepandaian dan kepakaran dalam bidang itu, katanya.

"Kita juga boleh buat, orang kita sebelum boleh buat kena belajar dulu. Ilmu juga terkandung dalam sains dan matematik," katanya.

Dr Mahathir juga menggesa para pelajar menguasai bahasa Inggeris kerana kebanyakan ilmu ditulis dalam bahasa Inggeris dan menurutnya walaupun ada buku berbahasa Melayu mengenai ilmu tertentu tetapi kebanyakannya diterjemah daripada buku berbahasa Inggeris.

Katanya, menguasai bahasa Inggeris tidak bermakna kerajaan menidakkan bahasa Melayu kerana bahasa ibunda itu masih terus digunakan tetapi bahasa Inggeris masih merupakan bahasa ilmu.

Beliau turut mengimbau zaman silamnya yang terpaksa menimba ilmu untuk menjadi orang yang pandai sehingga kemuncaknya menjadi seorang Perdana Menteri.

"Dulu pak (bapa) saya, mak saya tak bagi keluar dari kawasan rumah. Duduk di rumah saja suruh baca buku. Bila (bapa) balik dari pejabat pak saya batuk semua lari pi (pergi) baca buku.

"Sebab pak saya cengei (garang) saya belajar bersungguh-sungguh. Saya bernasib baik dapat pelajaran. Kalau tak dapat pelajaran bagaimana hari ini nak jadi Perdana Menteri," katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan kepada kira-kira 20 warga tua bagi kawasan Tunjang.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali kemudiannya menaiki sebuah kereta ciptaan lima pelajar dan tujuh guru Sekolah Menengah Teknik Jalan Stadium, Alor Star di perkarangan sekolah itu.

Kereta yang diberi nama "Jerai Gemilang" itu dipandu oleh Adnan Nayan, ketua projek penciptaan kenderaan berkuasa 1,000 cc itu yang mengambil masa empat bulan untuk disiapkan dengan kos kira-kira RM20,000.

Adnan berkata kereta itu akan diserahkan kepada Jabatan Pendidikan Kedah.

-- BERNAMA

AD ZS RHM